

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan belanjawan untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat Bumiputera sejak DEB pada tahun 1971 hingga sekarang dan sebab-sebab sasaran tersebut belum tercapai.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang memberi penekanan kepada serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia telah tamat pada tahun 1990. Semangat DEB diteruskan di bawah dasar-dasar selepasnya, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Model Ekonomi Baru (MEB) dalam usaha ke arah mencapai matlamat kesaksamaan sosioekonomi dan matlamat perpaduan negara. Untuk makluman, Kerajaan telah memperuntukkan belanjawan yang besar untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat Bumiputera sejak DEB dilancarkan pada tahun 1971.
2. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Namun begitu, ketidaksamarataan sosioekonomi masih menjadi cabaran terutamanya terhadap golongan Bumiputera dari segi pengagihan pendapatan dan kekayaan serta taraf hidup. Selain itu, pandemik COVID-19 yang melanda negara dan dunia telah memberi kesan kepada kestabilan sosioekonomi rakyat.
3. Faktor lain yang menyumbang kepada ketidaksamarataan sosioekonomi Bumiputera termasuk insiden kemiskinan dan kadar pengangguran yang tinggi, penyertaan dalam pekerjaan mahir yang rendah, kebergantungan terhadap bantuan Kerajaan serta penyertaan dalam perniagaan bersaiz mikro dan nilai ditambah yang rendah. Mekanisme penyampaian agenda Bumiputera yang kurang bersepadu turut menjadi faktor sasaran Bumiputera tidak dapat dicapai.
4. Selain itu, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera masih rendah dan berkurangan serta di bawah sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti Bumiputera. Ini sebahagiannya disumbang oleh liberalisasi sektor ekonomi sejak tahun 2002 yang membuka peluang kepada pegangan asing untuk melabur dalam negara, mendorong peningkatan yang ketara

dalam pemilikan ekuiti asing serta bukan Bumiputera. Selain itu, penjualan ekuiti melalui pelupusan sebahagian atau keseluruhan pemilikan ekuiti Bumiputera kepada asing serta bukan Bumiputera telah menyebabkan penyusutan dalam pemilikan ekuiti korporat Bumiputera.

5. Kerajaan melihat bahawa pelaksanaan dasar dan semangat DEB masih kekal relevan malahan akan terus diperkasa melalui dasar-dasar baharu yang lebih strategik bersesuaian dengan keperluan semasa. Sebagai Kerajaan yang peduli rakyat, pengagihan ekonomi mestilah dilakukan secara adil kepada semua rakyat mengikut keperluan masing-masing. Dalam hal ini, tindakan afirmatif akan diteruskan khususnya untuk membangunkan potensi Bumiputera bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi negara dan seterusnya mencapai matlamat pengagihan kekayaan yang lebih saksama.

6. Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan akan memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan melalui amalan prinsip "*shared prosperity*" iaitu berasaskan keperluan, ketelusan, menyokong pertumbuhan dan kemampuan bagi mendukung dasar pembangunan inklusif dan merapatkan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik, wilayah dan kelas pendapatan. Dalam langkah Kerajaan untuk meneliti semula dasar-dasar utama negara, pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan tetap menjadi agenda penting tanpa meminggir kaum-kaum lain di negara ini.

Sekian, terima kasih.